



PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

MEMBANGUNKAN ASEAN YANG BERDAYA TAHAN MELALUI PEMULIHAN BENCANA YANG INKLUSIF DAN MAMPAN

Saya berbesar hati mewakili Malaysia pada **Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pengurusan Bencana (AMMDM)** kali ke-12 di negara Brunei Darussalam. Persidangan bertemakan "Membangunkan ASEAN yang Berdaya Tahan melalui Pemulihan Bencana yang Inklusif dan Mampam" antara lain menekankan kepentingan usaha bersama dalam menghadapi peningkatan kekerapan dan kesan bencana alam.

Hari ini, Malaysia telah menawarkan khidmat daripada Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) ke negara-negara ASEAN yang mengalami kesan bencana yang teruk. SMART merupakan satu-satunya pasukan elit penyelamat dari ASEAN dan pasukan kedua di Asia selepas Jepun. SMART diiktiraf oleh *International Search and Rescue Advisory Group (INSARAG)* dibawah *United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs*.

Dalam pada itu, saya telah berkongsi pendirian bahawa Malaysia komited dalam memperkukuh daya tahan bencana melalui inisiatif bersifat tempatan dan serantau. Ini termasuk **Dasar Pengurangan Risiko Bencana 2030** serta program **Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM)** yang melibatkan kumpulan rentan seperti wanita, warga emas, dan orang kurang upaya. Dasar dan program ini jelas menunjukkan komitmen dan tindakan Malaysia terhadap pengurusan risiko bencana dengan tumpuan terhadap mitigasi risiko.

Saya turut menyatakan usaha Malaysia mengadaptasi penggunaan teknologi dalam pengurusan bencana. Melalui **Program Ramalan dan Amaran Banjir Nasional (PRABN)**, yang mampu meramalkan banjir sehingga tujuh hari lebih awal dan mengeluarkan amaran kepada orang awam dalam tempoh 48 jam,

merupakan salah satu inovasi penting dalam mempertingkatkan kecekapan tindak balas bencana. Usaha ini turut diperkukuh dengan pelaburan besar dalam infrastruktur kritikal bagi memastikan perkhidmatan penting terus beroperasi ketika bencana.

Di peringkat ASEAN, saya memberi penekanan akan peranan Malaysia yang aktif menyokong **Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan ASEAN (AHA Centre)**, serta terlibat dalam latihan dan simulasi seperti **Latihan Simulasi Kecemasan Bencana Serantau ASEAN (ARDEX)** dan **Pelan Tindak Balas Bencana Bersama ASEAN (AJDRP)**. Malaysia juga menekankan pentingnya pengintegrasian dasar inklusif dalam rangka kerja pengurusan bencana ASEAN untuk membina komuniti yang lebih berdaya tahan.

Selain itu, Malaysia juga akan memperhebatkan penyertaan dalam mekanisme serantau seperti **ASEAN Standby Arrangements (SASOP)** yang memastikan respons kecemasan bencana dapat diselaraskan dengan cekap dan tepat pada masanya. Ini termasuk penilaian aset dan keupayaan negara untuk menyokong tindak balas serantau yang lebih pantas dan berkesan.

Saya juga menegaskan bahawa cabaran perubahan iklim memerlukan satu kerjasama serantau yang erat. Dalam hal ini, Malaysia akan terus menyelaraskan strategi dari **Persidangan Menteri Asia Pasifik Mengenai Pengurangan Risiko Bencana (APMCDRR)** yang telah berlangsung di Manila baru-baru ini. Ini akan membantu memperkukuh daya tahan kolektif ASEAN dalam menghadapi cabaran baharu.

Malaysia akan terus teguh bersama dalam pengurusan risiko bencana dan AMMDM ke-12 ini membuktikan lagi komitmen kebersamaan Malaysia untuk meningkatkan daya tahan bencana di seluruh rantau ini. Menerusi kerjasama dan perkongsian kepakaran, kita akan berupaya membina dan meningkatkan keupayaan rantau ASEAN bagi mendepani cabaran yang mendatang.

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara

Negara Brunei Darussalam | 24 Oktober 2024